

ENCIK AMIR HAMZAH BIN TUN AZIZAN,
Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif,
Petronas Dagangan Berhad,
Tingkat 30-33, Menara 1,
Menara Berkembar Petronas,
Kuala Lumpur City Centre,
50088 Kuala Lumpur.

28 Oktober 2011

Tuan,

**PERKARA DAN USUL YANG TELAH DILULUSKAN DALAM
MESYUARAT AGUNG PESAMP KE-26 PADA 22hb OKTOBER 2011**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman pihak tuan, antara perkara dan usul penting yang telah dibentang dan diterima sebulat suara di dalam mesyuarat tersebut adalah:

- i. Promosi & Corporate Social Responsibility (CSR) – Semua promosi dan aktiviti CSR sepatutnya ditanggung sepenuhnya oleh Petronas Dagangan Berhad seperti yang termaktub di dalam surat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).
- ii. Petisyen penolakan keseluruhan Retail Dealership Agreement (REDA) merangkumi Wakil Penjual baru dan lama.
- iii. Petisyen penukaran status syarikat daripada Pemilikan Tunggal kepada Sendirian Berhad.
- iv. Isu Pewaris – PDA sementara kepada pewaris perlu dikeluarkan secara automatik bagi membolehkan stesen terus beroperasi dalam kes-kes kematian dan hilang upaya Wakil Penjual

3. Bersama-sama ini disertakan Lampiran Usul-Usul Mesyuarat Agung PESAMP yang telah diluluskan.

Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan. Pihak kami bersedia untuk berjumpa dan berbincang sekiranya diperlukan.

Terima kasih.

Yang benar,



DATO' HAJI ABU SAMAH BIN BACHIK; DIMP, ASA
Presiden PESAMP

s.k. Semua Ahli PESAMP

LAMPIRAN USUL-USUL MESYUARAT AGUNG PESAMP KE 26

- Usul 1. Promosi & CSR – Semua promosi dan aktiviti CSR sepatutnya di tanggung sepenuhnya oleh Petronas Dagangan Berhad (PDB).
- Usul 2. PESAMP dimohon berbincang dengan PDB agar surat sokongan pembaharuan Lesen PDA dan Runcit diberi tanpa syarat tambahan. PESAMP juga dimohon meminta penjelasan daripada PDB kenapakah Wakil Penjual dipaksa menghadiri kursus berbayar yang dianjurkan oleh pihak PDB sebagai salah satu syarat untuk mendapat lesen.
- Usul 3. Kedai mesra – Royalti rokok perlu dikaji supaya tidak mengurangkan margin Wakil Penjual (contoh: setiap kali harga rokok naik, keuntungan wakil penjual semakin berkurangan; margin adalah 7.87% dan royalti dikenakan PDB adalah 4.5%. Baki margin Wakil Penjual hanyalah 3.37%)
- Usul 4. Task Force Leader (TFL) sepatutnya menjadi perantaraan di antara PDB dan Wakil Penjual. Segala keputusan yang hendak dibuat seharusnya dibincangkan dan dipersetujui oleh semua Wakil Penjual trading area masing-masing dan bukannya keputusan individu TFL.
- Usul 5. Isu pewaris – PDB perlu mengadakan prosedur khas untuk memberi PDA sementara kepada pewaris bagi memastikan stesen tidak ditutup, terutama dalam kes kematian dan hilang upaya Wakil Penjual.
- Usul 6. Memohon pertukaran had umur minima penama Wakil Penjual (Direct Transfer) dikurangkan daripada 25 ke 21 tahun
- Usul 7. Mendesak pihak pengurusan PETRONAS supaya mengkaji membenar/ membuat tawaran kepada mana-mana Rakan Niaga yang telah mencapai umur 55 tahun supaya membuat penama yang terdiri dari keluarga terdekat agar dibenar menjadi pengganti sebagai Rakan Niaga. Ini bagi mengelakkan dari timbulnya sebarang masalah apabila terdapat Rakan Niaga yang meninggal dunia. Apa yang berlaku di stesen PETRONAS Kg Simee Ipoh dan baru-baru ini distesen PETRONAS Kampung Gajah Perak dan Stesen PETRONAS Jalan Maharajalela Teluk Intan boleh dijadikan contoh.
- Usul 8. Pohon bayaran Timbang Sukat (Calibration) dan Lesen Majlis Perbandaran dibayar terus oleh PDB kerana prosedur sedia ada, pembayaran didahulukan oleh Wakil Penjual dan pembayaran balik PDB mengambil masa yang lama.
- Usul 9. Sebarang tawaran penjagaan stesen sementara (Caretaker), tempoh yang diberi hendaklah sekurang-kurangnya 3 tahun dan bukan 1 tahun seperti sedia ada.